



SIARAN AKHBAR

MAJLIS MEMBACA DOA SELAMAT BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN-JABATAN DIBAWAHNYA YANG AKAN MENUNAIKAN FARDHU HAJI TAHUN 1446H / 2025M DIKENDALIKAN OLEH JABATAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA

Hari Khamis, 10 Zulkaedah 1446H bersamaan 08 Mei 2025M

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, telahpun mengadakan Majlis Membaca Doa Selamat bagi Pegawai dan Kakitangan Kementerian Pembangunan serta Jabatan-Jabatan dibawahnya yang bakal menunaikan ibadah Haji bagi tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis berkenaan ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan satu ceramah khas bertajuk "*Ahlan Wa Sahlan Duyuf Ar-Rahmani*" yang bermaksud "Selamat Datang Tetamu Ar-Rahman (Allah)" oleh Yang Mulia Ustaz Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang, penceramah undangan dari Pusat Dakwah Islamiah. Seramai 27 orang pegawai dan kakitangan bakal menunaikan fardhu Haji pada tahun ini. Majlis diselajurkan dengan penyampaian sumbangan derma kepada bakal Jemaah Haji yang disempurnakan oleh Tetamu Kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan dan selamat bagi memohon keberkatan dan perlindungan Allah SWT agar seluruh bakal Jemaah Haji diberikan keselamatan dan kesejahteraan sepanjang menjalankan ibadah haji.

Turut hadir ialah Yang Mulia Dr. Nor Imtihan Binti Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan; Yang Mulia Sr. Dayang Hajah Norhayati Binti Haji Mohammad Yaakub, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan (Industri Pembinaan dan Kemajuan); Yang Mulia Dayang Aldila Binti Haji Mohamad Salleh, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan (Korporat dan Undang-Undang); Awang Haji Shahrudin Khairul Bin Haji Anuar, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional); Kementerian Pembangunan; Ketua-Ketua Jabatan, Divisyen dan Unit serta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan**